

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS)**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apa sudah berlaku kepada kes-kes berikut :-

- (a) 680 warga Negara China yang ditangkap dalam satu bangunan 6 tingkat di Cyberjaya pada 20 November 2019 yang dikatakan terlibat dalam penipuan secara online ; dan
- (b) 104 warga Negara China yang ditangkap di Kota Kinabalu pada 26 November 2019 yang dikatakan terlibat dalam penipuan secara online.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) merekodkan jumlah sebenar warganegara China pada 20 November 2019 bagi kes melibatkan operasi penguatkuasaan di Cyberjaya yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah seramai 592 orang. Kesemua mereka disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963. Hasil siasatan seramai 472 orang telah didakwa dan disabitkan kesalahan di Mahkamah Sesyen Sepang di bawah seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 iaitu kesalahan tidak memiliki pas yang sah untuk berada di Malaysia, Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 bagi kesalahan tinggal melebihi tempoh masa Pas yang ditetapkan dan Peraturan 39(b) Peraturan-peraturan Imigresen iaitu melanggar syarat pas, permit atau pas sempadan pada 13 Disember 2019 dan 16 Disember 2019. Kesemua 472 orang tersebut dikenakan hukuman penjara 1 sehingga 3 bulan dan denda RM10,000. Manakala seramai 120 orang lagi telah dihantar pulang ke negara asal oleh JIM dengan syor Timbalan Pendakwa Raya.

Manakala bagi kes tangkapan 104 orang warganegara China di Kota Kinabalu pada 26 November 2020, kesemua mereka disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963. Hasil siasatan seramai 99 orang telah didakwa dan disabitkan kesalahan di Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 dan Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 dengan hukuman denda RM5,000 setiap seorang. Manakala seramai 5 orang lagi dihantar pulang ke negara asal oleh JIM dengan syor Timbalan Pendakwa Raya.